



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ASPIRING**  
**SEBERANG PERAI (ASP) PHOTOGRAPHY AWARDS**  
**2020**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**24 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**  
**11.30 PAGI**

**DEWAN KENANGA**  
**MENARA BANDARAYA MBSP**  
**BANDAR PERDA**  
**BUKIT MERTA JAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani binti Haji Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Para Juri ASPP Awards 2020**

**Ketua Juri**  
**Yang Berbahagia Profesor Lar. Ts. Dr. Osman Mohd Tahir**  
Fakulti Reka Bentuk & Senibina  
Universiti Putra Malaysia

**Encik David Marshel A/L Pakianathan**  
Ahli Majlis MBSP

**Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid**  
Ahli Majlis MBSP

**Encik Muhamad Suzuki Bin Ahmad**  
Ahli Majlis MBSP

**Encik Mohd Faidrol bin Mohd Radzi**  
Pengarah Pelesenan MBSP

**Encik Nazri bin Abdul Wahab**  
Pengarah Direktorat Penguatkuasaan MBSP

**LAr. Shaqhrony bin Md Yusoff @ Jamaludin**  
Pengarah Landskap MBSP

**Encik Kamal bin Muhammad Raini**  
Penolong Pengarah Kejuruteraan MBSP

**LAr. Charles Teo Kae Siang**  
Setiausaha Kehormat  
Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)

**Ms Nicole Thum**  
Think City Sdn. Bhd.

**LAr. Amos Ng**  
Pengarah Urusan  
Spirit of Perai Sdn. Bhd.

**Puan Leena Lee Soch Khim**  
Pengarah Urusan  
Wellpoint Group Sdn. Bhd.

**Kakitangan-Kakitangan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Para Pemenang Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2020**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Penyampaian Hadiah *Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2020*. Aspp Awards 2020 ini merupakan satu program anjuran bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai, *Spirit of Perai* dan *Wellpoint Group Sdn Bhd*. serta rakan penganjur *Think City Sdn Bhd* yang telah bermula sejak tahun 2016 sehingga sekarang. Kerjasama serta gandingan bahu badan korporat dan industri bersama-sama dengan MBSP dalam melaksanakan program-program seumpama ini menepati slogan MBSP iaitu smart partnership melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama secara tidak langsung memberi impak positif terhadap pelbagai usaha-usaha MBSP serta memberi manfaat kepada rakyat dan menyumbang kepada pembangunan di Seberang Perai.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP; Puan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Para-Para Juri, Tuan-Tuan dan

Puan-Puan serta semua yang turut hadir kerana sudi melapangkan masa, memeriahkan suasana bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada hari ini.

**Yang Berbahagia Profesor, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati  
sekalian,**

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau "*People Centric Organization*". MBSP memperkasakan rakyat dengan menggalakkan penyertaan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program pembangunan. MBSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan.

Penganjuran program ASPP Awards ini secara tidak langsung adalah untuk memperkenalkan MBSP di mata dunia sekaligus merencanakan perkembangan pelancongan ke Seberang Perai. Melalui pendekatan 7Ps, *People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*, saya percaya program-program yang berpaksikan *people centric* lebih banyak dapat diadakan.

Pelbagai usaha dan rancangan yang telah dibuat MBSP bagi menggalakkan pelancong datang ke Seberang Perai. Objektif utama bagi penganjuran *ASP Photography Awards* adalah untuk memberi peluang kepada komuniti khususnya penduduk Seberang Perai untuk berkarya menggunakan medium fotografi selain mencungkil bakat-bakat baru yang tersembunyi dalam bidang penggambaran. *ASP Photography Awards 2020* bertemakan *My Green Seberang Perai*, mengetengahkan elemen hijau dalam meningkatkan kesedaran di kalangan komuniti untuk menjadikan Seberang Perai bersih dan hijau selaras dengan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.

Hashtag *#MyGreenSeberangPerai* sebagai tagline di media sosial telah bermula pada 20 Februari 2020 sehingga 20 Oktober 2020. Kriteria *ASP Photography Awards* Tahun 2020 adalah *Green Tourism & Events, Trees and Greening Effort*, dan *Green Networks & Parks*. Kategori yang dipertandingkan adalah kategori professional; kategori penduduk yang dilahirkan di Seberang Perai; kategori pelajar sekolah berumur 13 hingga 20 tahun, kategori *timelapse*; dan kategori penyertaan media sosial melalui *Instagram*.

ASP Photography Awards Tahun 2020 kali ini telah menerima sebanyak 1,208 penyertaan bagi lima (5) kategori yang dipertandingkan. Bagi kategori professional, sebanyak 28 penyertaan, warga Seberang Perai sebanyak 49 penyertaan, pelajar sekolah menengah di Seberang Perai sebanyak 10 penyertaan, timelapse sebanyak lima (5) penyertaan, dan media sosial melalui instagram *#MyGreenSeberangPerai* sebanyak 1,116 penyertaan. Pemenang-pemenang akan membawa pulang hadiah wang tunai dan sijil penyertaan bagi setiap kategori dan satu (1) hadiah diperuntukkan untuk *Photo of the Year*.

**Yang Berbahagia Profesor, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati  
sekalian,**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pemenang di atas usaha tuan-tuan dan puan-puan dan juga kepada yang tidak memenangnya, saya mengucapkan tahniah juga dan ribuan terima kasih atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan berusaha bersama-sama MBSP, *Spirit of Perai* dan *Wellpoint Group Sdn. Bhd.* serta rakan penganjur *Think City Sdn. Bhd.* dalam menjayakan pertandingan ini dan menjadikan Seberang Perai ini daya tarikan bagi pelancongan, terutamanya *ecotourism* dan *agritourism*. Saya berharap suatu hari nanti,

selain daripada kita bukukan semua gambar-gambar ini, saya ingin mencadangkan agar kita mencuba untuk menghasilkan setem Seberang Perai (*limited edition*) atau poskad yang mempunyai gambar-gambar menarik daripada pertandingan seperti ini. Pada saya, ini merupakan salah satu langkah untuk mempromosikan kawasan-kawasan atau tempat-tempat menarik di Seberang Perai. Saya yakin dan percaya di luar sana terdapat penggemar atau pengumpul setem dan poskad.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada *Spirit of Perai* dan *Wellpoint Group Sdn. Bhd.* serta rakan penganjur *Think City Sdn. Bhd.* Ahli Majlis-Ahli Majlis, dan barisan Panel Juri atas sokongan untuk penganjuran Program ASPP Awards 2020.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa kerjasama dan komitmen daripada penduduk Seberang Perai, organisasi-organisasi atau agensi kerajaan dan swasta adalah amat diperlukan oleh MBSP. Tanpa *Smart Partnership*, saya yakin hasrat untuk mencapai *Low Carbon City* dan *Smart City* pada tahun 2022 adalah sukar. Justeru, saya ingin menjemput dan mengalakkan lagi lebih banyak agensi-agensi swasta dan kerajaan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar.



MBSP juga akan sentiasa memastikan bahawa kita seiring dengan hasrat *Penang2030*.

Akhir kata, Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*”.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

***Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.***